

22 JUN 2001

Mahathir-Nanyang

PERSETUJUAN UNTUK MEMBELI NANYANG BUKAN SATU ARAHAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa persetujuan yang diberikannya kepada MCA untuk membeli Nanyang Press Holdings bukan satu arahan.

"MCA menanya saya sama ada mereka boleh membelinya, saya kata anda boleh membelinya. Satu arahan ialah apabila saya memanggil MCA dan berkata sekarang beli... itu satu arahan," kata beliau dalam persidangan berita di akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila diminta mengulas kenyataannya semalam yang beliau telah memberikan persetujuan kepada parti itu untuk membeli Nanyang Press Holdings Berhad yang menerbitkan akhbar Nanyang Siang Pau dan China Press.

Selain daripada MCA, Dewan Perniagaan dan Industri Cina Bersekutu (ACCIM) juga meminta nasihat Dr Mahathir untuk membeli kedua-dua akhbar itu.

Beliau mengulangi tiada undang-undang yang menghalang MCA atau sesiapaupun membeli atau memiliki syarikat penerbit akhbar.

"Adakah hanya pembangkang sahaja yang boleh membeli sebuah syarikat akhbar? Jika MCA menanya saya sama ada mereka boleh membeli syarikat akhbar itu, jawapan saya ialah ya...Jika Gerakan juga meminta demikian jawapannya juga ya.. ... sesiapa sahaja. Jika PPP menanya saya, jawapan saya ialah ya," katanya.

Beliau berkata DAP juga memiliki akhbarnya sendiri tetapi tiada siapa yang mengadu mengenainya dan PAS juga memiliki Harakah yang dijual di seluruh negara.

"Jadi saya tidak lihat mengapa saya harus beritahu MCA anda tidak boleh membelinya. Macam mana saya tahu masyarakat Cina akan membantah tindakan parti politik membeli syarikat akhbar sedangkan masyarakat Melayu tidak membantah parti Melayu memiliki akhbar.

"Maksud saya ialah kita tidak boleh memberi layanan berbeza antara orang Cina dan Melayu, sama sahaja," katanya.

-- BERNAMA

RV AZZ PR